

19 MAY 1999

Sabbaruddin-terima kasih

SABBARUDDIN UCAP TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG BERI KERJASAMA

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Datuk Sabbaruddin Chik malam ini mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama sepanjang tempoh 12 tahun beliau memegang jawatan sebagai Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama kepada saya dan ini merupakan kali terakhir saya menghadiri majlis sebagai Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan," katanya ketika melancarkan logo Panggung Negara di sini.

Sabbaruddin berkata beliau pada mulanya agak keberatan menghadiri majlis pelancaran logo itu.

Namun atas nasihat para pegawai dan memandangkan pengumuman rasmi mengenainya akan hanya dibuat esok oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, beliau hadir juga pada majlis itu.

Sabbaruddin berkata sungguhpun tidak lagi memegang portfolio itu, namun minatnya terhadap kebudayaan bangsa tidak akan terhapus dan berharap akan tetap mendapat jemputan bagi menghadiri majlis kebudayaan di Panggung Negara pada masa-masa akan datang.

Sabbaruddin juga berkata kabinet bersetuju dengan cadangan seorang budayawan Tan Sri Samad Idris agar Panggung Negara diberi gelaran "Istana Budaya."

Katanya Panggung Negara yang terletak dalam kawasan seluas 5.44 hektar dan menelan belanja RM205 juta itu merupakan sebuah panggung pertama di Asia yang mempunyai mekanisme pentas yang moden untuk pementasan teater.

"Kedudukan ini meletakkannya dalam senarai 10 panggung termoden di dunia dan setaraf dengan Royal Albert Hall di London," katanya.

Sabbaruddin berkata rekabentuk Panggung Negara yang unik dengan hiasan hasil lukisan pelukis terkenal tempatan menjadikannya sebagai sebuah istana budaya yang cukup gah. Ia di jangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun ini.

Namun begitu beliau berharap Panggung Negara jangan hanya gah daripada segi nama dan rekabentuk bangunannya sahaja, tetapi hendaklah juga gah daripada segi pengisian persembahan dan program kesenian yang bermutu tinggi lagi membanggakan.

--BERNAMA

akt zb